



**UNTUK SIARAN  
SEGERA**

## **SIARAN MEDIA**

### **GLOMAC BERHAD MENCATAT PENDAPATAN RM60.1 JUTA UNTUK SUKU PERTAMA TAHUN KEWANGAN 2024 (S1TK2024)**

Jualan hartanah baharu melonjak 94 peratus kepada RM101 juta

**Kuala Lumpur, 27 September 2023:** Bagi suku pertama kewangan berakhir 30 April 2024 (S1TK2024), Glomac Berhad (“Glomac” atau “Kumpulan”) mencatatkan pendapatan sebanyak RM60.1 juta, berbanding RM65.5 juta yang dilaporkan dalam tempoh yang sama bagi TK2023. Bagi tempoh S1 TK2024, Glomac merekodkan peningkatan jumlah jualan baharu berjumlah RM101 juta, iaitu peningkatan 94 peratus berbanding RM52 juta dalam tempoh yang sama TK2023.

Pendapatan Kumpulan dipacu oleh kesan dari aktiviti pembinaan yang berterusan, termasuk fasa pembangunan terkini di Saujana KLIA, serta 121 Residences, pembangunan kediaman bertingkat tinggi di daerah Petaling Jaya - Damansara. Dalam tempoh yang sama, keuntungan sebelum cukai menurun sebanyak RM6.2 juta, kesan daripada kadar kenaikan faedah.

Kedudukan kewangan Glomac terus menunjukkan perkembangan yang sihat. Setakat 31 Julai 2023, wang tunai dan deposit tunai terus meningkat kepada RM305.4 juta daripada RM288.8 juta pada akhir April 2023. Penggearing bersih adalah lebih rendah pada 0.12x berbanding dana pemegang saham sebanyak RM1.193 bilion. Aset bersih sesaham Kumpulan meningkat kepada RM1.55 setakat akhir Julai 2023 berbanding RM1.53 pada akhir April 2023. Ini diterjemahkan kepada nisbah nilai buku sesaham sebanyak 0.25x.

Untuk TK2023, Lembaga Pengarah telah mencadangkan dividen akhir peringkat satu sebanyak 1.25 sen setiap saham. Jumlah ini tertakluk kepada kelulusan pemegang saham pada Mesyuarat Agung Tahunan ke 39 yang akan datang. Cadangan dividen ini diterjemahkan kepada 3.3 peratus hasil dividen pada harga saham semasa.

Pertumbuhan jualan yang teguh didorong oleh penjualan sepenuhnya kedai pejabat di Lakeside Boulevard II, yang merupakan fasa kedua komponen komersial di Lakeside Residences, Puchong. Projek tersebut menawarkan 49 unit rumah kedai dengan anggaran GDV sebanyak RM86 juta, telah dijual sepenuhnya dalam tempoh 3 bulan sejak pelancarannya pada akhir April 2023.

Selain itu, penjualan fasa komersil terbaharu di perbandaran Saujana Perdana turut mendapat sambutan baik sejak pelancaran rasminya pada April 2023. 81 rumah kedai dengan anggaran GDV RM71 juta, hampir habis dijual pada akhir Julai 2023.

Pada tahun kewangan ini, Glomac merancang untuk melancarkan projek baharu bernilai hampir RM700 juta, iaitu projek Loop City, sebuah pembangunan kediaman bersepadu baharu yang terletak di tengah-tengah Puchong dengan jumlah anggaran GDV RM1.57 bilion. Fasa awal merangkumi Kediaman Jenis SoHo “SoHos” dan pangsapuri servis dengan anggaran GDV sebanyak RM338 juta. Pelancaran baharu lain seperti unit kediaman teres dan bertingkat tinggi di perbandaran sedia ada seperti Lakeside Residences dan Saujana KLIA.

Glomac memiliki portfolio yang mantap serta pembangunan simpanan tanah (*landbank*) yang strategik dengan anggaran nilai GDV hampir RM8 bilion. Di Johor, gabungan projek Sri Saujana dan Saujana Jaya mempunyai 238 ekar tanah dengan potensi GDV sebanyak hampir RM800 juta, kesan pemangkin dari rancangan kerajaan Negeri Johor untuk meningkatkan aktiviti ekonomi - seperti kewujudan zon kewangan khas di Forest City serta potensi pemulihan projek Kereta Api Berkelajuan Tinggi (“HSR”) dari Kuala Lumpur ke Singapura.

**GLOMAC BERHAD**  
**27 September 2023**

**Untuk pertanyaan lanjut, sila hubungi:**

Azwan Kimori  
Eksekutif Kanan, Komunikasi Korporat  
[azwan@glomac.com.my](mailto:azwan@glomac.com.my)  
Talian: 03 7723 9046

Nurin Mastura  
Ketua, Jabatan Komunikasi Korporat  
[nurin@glomac.com.my](mailto:nurin@glomac.com.my)  
Talian: 03 7723 9056

Jabatan Komunikasi Korporat  
[gccm@glomac.com.my](mailto:gccm@glomac.com.my)  
03 7723 9056

---

**Glomac Berhad**

Sejak 1995, Glomac adalah sinonim dengan projek hartanah yang bernilai tinggi dengan rekabentuk tersendiri. Sebagai pemaju hartanah yang telah memenangi pelbagai anugerah projek pembangunan di KL, Selangor dan Johor, kami menawarkan produk perumahan bertingkat (high-rise), atas tanah (landed) serta unit komersil sebagai pilihan terbaik untuk tujuan berkediaman dan pelaburan. Glomac Berhad berhasrat untuk terus menawarkan rumah mampu milik untuk bakal pembeli kami dan keluarga mereka dengan mengutamakan ciri-ciri keselesaan, keselamatan dan kemudahan.